

Angka itu boleh dicapai berdasarkan kepelbagaian perniagaan yang dilakukan

## Koperasi sekolah peroleh RM400 juta

Oleh ISKANDAR SHAH MOHAMED

**SHAH ALAM** – Sektor koperasi sekolah mampu mencapai perolehan lebih RM400 juta tahun ini selepas mengalami penyusutan ketara sejak pandemik Covid-19.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), Datuk Seri Dr. Abdul Fattah Abdullah berkata, keyakinan itu bersandarkan pertumbuhan ekonomi dan kepelbagaian perniagaan dijalankan koperasi tersebut.

Kata beliau, statistik Interim Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) menunjukkan, koperasi sekolah menyumbang perolehan RM211.6 juta pada tahun lalu.

"Jumlah itu dianggap rendah berbanding sebelum pandemik yang pernah mencecah hampir RM400 juta setahun.

"Kita yakin perolehan tahun ini akan melebihi jumlah itu menerusi penglibatan serius semua pihak termasuk kementerian dan



**ABDUL FATTAH (tengah)** meninjau tapak jualan koperasi sekolah di Shah Alam kelmarin.

agensi berkaitan," katanya ketika ditemui pada majlis Anugerah Hari Koperasi Sekolah (HKS) di

sini, kelmarin.

Berdasarkan statistik Interim itu, koperasi berkenaan kini di-

anggotai lebih 1.9 juta orang di 2,473 sekolah di seluruh negara.

Kata Abdul Fattah, koperasi

itu menjadi platform kepada pelajar sekolah mendapat latihan keusahawanan dan memupuk nilai kerjasama, kesaksamaan dan paduan.

"Walaupun Angkasa menekankan perolehan, ia tidak bermakna kita cuba untuk 'mengomersialkan' koperasi sekolah.

"Koperasi itu berpotensi menjana pendapatan tanpa mengganggu pembelajaran dalam kelas dan mampu memberi latihan yang berkesan di luar kelas," ujarnya.

Tambah beliau, penajaan itu bukan untuk keuntungan semata-mata, malah koperasi dapat menjual keperluan pelajar, guru dan sekolah pada harga lebih murah.

"Selain meringan beban, keuntungan diperoleh dipulangkan dalam bentuk dividen, selain membantu sekolah menyediakan kemudahan kepada pelajar.

"Ia juga mengurangkan bergantung sekolah kepada kerajaan bagi pembiayaan prasarana," katanya.